



## **FREQUENTLY ASKED QUESTIONS - CASH WAQAF THROUGH PROFIT DEBITING**

<b>No.</b>	<b>Questions</b>	<b>Answers</b>
1.	What is Cash Waqaf through Profit Debiting?	Cash Waqaf through Profit Debiting is a platform for Bank Simpanan Nasional (BSN) deposit account holders to contribute a portion of funds in Waqaf through profits earned from the total savings for the particular month which will be allocated to any participating Waqaf organizations.
2.	Who can contribute to the Cash Waqaf through Profit Debiting?	The Cash Waqaf through Profit Debiting is available to all new and existing Individual customers with BSN deposit accounts.  <b>Note: Not available for Joint and Trust Account.</b>
3.	How to subscribe for the contribution to Cash Waqaf through Profit Debiting?	Customers are required to visit any BSN branches to give consent for the contribution of Cash Waqaf through Profit Debiting.
4.	Which product is applicable for Cash Waqaf through Profit Debiting?	Currently, the product available for the contribution of Cash Waqaf through Profit Debiting is BSN GIRO/-i.
5.	What is the frequency of the profit debiting exercise?	The profit amount will be debited automatically on monthly basis for the Cash Waqaf through Profit Debiting.
6.	What is the percentage of contributions allowed for the Cash Waqaf through Profit Debiting?	The contributions percentages allowed for Cash Waqaf through Profit Debiting is 100% of the total profit amount.
7.	How to change the contributions for the Cash Waqaf through Profit Debiting?	Customers are required to visit any BSN branch in person for any changes regarding the contributions including cancellation to the Cash Waqaf through Profit Debiting.
8.	Can the profit contributions be distributed to several Waqaf organizations?	No. The profit amount can only be contributed to one Waqaf organization as selected by Customer during opt-in.
9.	Can personal funds be used for the cash Waqaf contribution instead of profit debiting?	Yes. Please refer to myBSN for contributions to the participating payee corporations using personal funds via Bill Payment.
10.	What is the minimum contribution amount for the Cash Waqaf through Profit Debiting?	The default minimum amount contribution for Cash Waqaf through Profit Debiting is RM0.01.
11.	Is there any service fees imposed for the contribution of Cash Waqaf through Profit Debiting?	No charges will be imposed for this Waqaf contribution transactions.
12.	How to obtain the Waqaf contribution receipt for tax exemption purposes?	Kindly refer to the respective Waqaf organizations for contributions receipt for the tax exemption purposes.
13.	Where to obtain the Product Terms and Conditions?	The Product Terms and Conditions can be obtained from BSN website <a href="http://www.bsn.com.my">www.bsn.com.my</a>

No.	Questions	Answers
14.	How to enquire for any further details?	You may enquire from the following channels: a) Visit BSN website <a href="http://www.bsn.com.my">www.bsn.com.my</a> b) Visit any BSN branches c) Contact BSN Contact Centre at 1300 88 1900 available during operating hours from 8.00 am to 10.00 pm



## **SOALAN-SOALAN LAZIM - WAQAF TUNAI MELALUI PENDEBITAN KEUNTUNGAN**

<b>No.</b>	<b>Soalan</b>	<b>Jawapan</b>
1.	Apakah yang dimaksudkan dengan Waqaf Tunai melalui Pendebitan Keuntungan?	Waqaf Tunai melalui Pendebitan Keuntungan adalah platform bagi pemegang akaun deposit Bank Simpanan Nasional (BSN) untuk menyumbang sebahagian dana daripada keuntungan yang diperoleh daripada jumlah simpanan untuk bulan tertentu ke dalam Waqaf untuk diperuntukkan kepada mana - mana organisasi Waqaf yang mengambil bahagian.
2.	Siapakah yang boleh menyumbang kepada Waqaf Tunai melalui Pendebitan Keuntungan?	Waqaf Tunai melalui Pendebitan Keuntungan adalah tersedia untuk semua pelanggan Individu baharu dan sedia ada yang mempunyai akaun deposit di BSN.  <b><i>Nota: Tidak tersedia untuk Akaun Bersama dan Amanah</i></b>
3.	Bagaimanakah cara untuk menyertai Waqaf Tunai melalui Pendebitan Keuntungan?	Pelanggan dikehendaki untuk mengunjungi mana-mana cawangan BSN untuk memberi persetujuan terhadap sumbangan Waqaf Tunai melalui Pendebitan Keuntungan,
4.	Apakah produk yang terlibat bagi Waqaf Tunai melalui Pendebitan Keuntungan?	Pada masa ini, produk yang tersedia untuk sumbangan Waqaf Tunai melalui Pendebitan Keuntungan ialah produk BSN GIRO/-i.
5.	Apakah kekerapan pendebitan keuntungan bagi Waqaf Tunai melalui Pendebitan Keuntungan?	Amaun keuntungan akan didebitkan secara automatik pada setiap bulan bagi Waqaf Tunai melalui Pendebitan Keuntungan.
6.	Apakah peratusan sumbangan yang dibenarkan untuk Waqaf Tunai melalui Pendebitan Keuntungan?	Peratusan sumbangan yang dibenarkan untuk Waqaf Tunai melalui Pendebitan Keuntungan adalah 100% daripada jumlah keuntungan yang diperolehi.
7.	Bagaimanakah cara untuk mengubah sumbangan bagi Waqaf Tunai melalui Pendebitan Keuntungan?	Pelanggan perlu menghadirkan diri ke mana-mana cawangan BSN untuk sebarang perubahan termasuk pembatalan ke atas sumbangan Waqaf Tunai melalui Pendebitan Keuntungan.
8.	Adakah sumbangan tersebut boleh diagihkan kepada beberapa pertubuhan Waqaf?	Tidak. Amaun keuntungan hanya boleh disalurkan kepada satu organisasi Waqaf yang dipilih oleh Pelanggan semasa persetujuan penyertaan.
9.	Adakah Pelanggan boleh menggunakan dana sendiri bagi sumbangan kepada waqaf dan bukannya melalui pendebitan keuntungan?	Boleh. Sila rujuk pada myBSN bagi sumbangan kepada Perbadanan Penerima menggunakan dana peribadi melalui Pembayaran Bil.
10.	Berapakah jumlah sumbangan minimum untuk Waqaf Tunai melalui Pendebitan Keuntungan?	Jumlah sumbangan minimum untuk Waqaf Tunai melalui Pendebitan Keuntungan ialah RM0.01.

No.	Soalan	Jawapan
11.	Adakah terdapat sebarang bayaran perkhidmatan yang dikenakan untuk sumbangan Waqaf Tunai melalui Pendebitan Keuntungan?	Tiada caj akan dikenakan untuk sebarang transaksi bagi sumbangan Waqaf ini.
12.	Bagaimana untuk mendapatkan resit sumbangan Waqaf bagi tujuan pengecualian cukai?	Sila rujuk kepada organisasi Waqaf yang terlibat untuk resit sumbangan bagi tujuan pengecualian cukai.
13.	Di mana boleh dapatkan Terma dan Syarat Produk?	Terma dan Syarat Produk boleh didapati dari laman web BSN <a href="http://www.bsn.com.my">www.bsn.com.my</a> .
14.	Apakah saluran yang disediakan sekiranya saya ingin mengetahui maklumat dengan lebih lanjut?	Anda boleh mendapatkan maklumat daripada saluran-saluran berikut: a) Layari Laman web BSN <a href="http://www.bsn.com.my">www.bsn.com.my</a> b) Kunjungi mana-mana cawangan BSN berdekatan c) Hubungi Pusat Perhubungan Pelanggan BSN di 1300 88 1900 yang beroperasi dari 8.00 pagi hingga 10.00 malam